

Undang2 buruh Britain tidak baik bagi kita

M.M. 28 JUL 1979

(P)

DATUK Sri Dr. Mahathir Mohamad mensifatkan issue undang-undang buruh yang kontroversial sekarang sebagai "time bomb" yang tidak disebut oleh Lim Kit Siang dalam bukunya "Time Bomb In Malaysia."

Berucap menjawab hujah-hujah yang ditimbulkan dalam perbincangan usul mengenai buruh di Perhimpunan Agung UMNO di sini hari ini, beliau berkata, undang-undang yang ditiru dari Britain itu mempunyai keburukan dan boleh menjahanamkan negara.

Timbalan Perdana Menteri menegaskan, sungguhpun Britain merupakan sebuah negara maju, kaya raya dengan kemahjiran teknologi yang tinggi, tetapi undang-undang buruhnya begitu buruk hingga menjahanamkannya hari ini.

"Inilah satu lagi time bomb

KUALA LUMPUR
7 JULAI



DR. MAHATHIR

yang tidak disebut oleh Lim Kit Siang," katanya.

Serentak dengan itu, Datuk Sri Dr. Mahathir memberi jaminan bahawa kerajaan akan menguta-

makan kepentingan serta kebajikan pekerja dalam proses mengkaji semula undang-undang buruh.

"Kerajaan tidak akan melakangkan kepentingan pekerja sambil mengambil kira kepentingan majikan juga," tegasnya.

Beliau bersetuju dengan hujah-hujah yang dibangkitkan oleh para perwakilan bahawa memang terdapat kelemahan pada undang-undang buruh yang digunakan sekarang.

Dalam hubungan ini beliau telah mengingatkan perhimpunan kepada pemberontakan Perancis yang berlaku kerana tekanan ke atas pekerja.

Menurutnya, di zaman British di sini dulu, terdapat undang-undang yang tidak membolehkan pihak pekerja membentuk kesatuan sekerja, tetapi keadaan telah diubah selepas negara merdeka.

Menyentuh tentang 215
rombakan semula undang-undang buruh, Dr. Mahathir berkata, sebarang kajian atau penyusunan semula ke arah ini tidak akan memberi makna sekiranya kepentingan dan kebajikan para pekerja tidak dititikberatkan.

Beliau sekali lagi menyatakan rasa kesalnya terhadap tindakan para pekerja MAS yang tidak mengenang jasa kerajinan khususnya UMNO yang telah berusaha memberikan pekerjaan kepada mereka.

Katanya, jika MAS masih lagi tinggal di dalam MSA dulu, bilangan pekerja Melayu sebagai juruterbang, jurutera dan sebagainya akan terus ketinggalan kebela-kang.

"Dengan usaha pemimpin-pemimpin UMNOlah MSA dipisahkan dan memberi banyak peluang kepada orang-orang Melayu mendapat pekerjaan mereka sekarang," tegasnya.

"Tetapi malangnya, orang kita lebih suka mengikut cakap orang lain tanpa menyedari bahawa kerana bantuan UMNO, mereka dapat memegang jawatan-jawatan tersebut," tambah beliau lagi.